

PERSAMAAN LINEAR DALAM DUA PEMBOLEH UBAH

LATIH DIRI 1

Tentukan sama ada persamaan di bawah ialah persamaan linear dalam dua pemboleh ubah atau bukan. Tandakan (✓) bagi jawapan yang betul.

A	$3p - q = 12$	
B	$7x^2 + 5y = 9$	
C	$2(k + 8) = 5k$	
D	$\frac{2x}{3} - 8 = 4y$	

LATIH DIRI 2

Bentukkan persamaan linear dalam dua pemboleh ubah bagi setiap yang berikut. Pilih jawapan yang betul.

No	situasi	Persamaan
A	Dalam satu acara sukan, jumlah mata yang dikumpul rumah sukan Satria dan rumah sukan Perdana ialah 258.	
B	Beza antara sudut terbesar dengan sudut terkecil dalam sebuah segi tiga ialah 15° .	
C	Jumlah harga tiket bagi suatu taman tema air untuk lapan orang dewasa dan lima orang kanak-kanak ialah RM265.	
D	Jumlah markah bagi kertas ujian yang terdiri daripada bahagian A dan bahagian B ialah 40. Setiap jawapan yang betul dalam bahagian A dan bahagian B masing-masing diberi 1 markah dan 2 markah.	

$$8a + 5b = 265$$

$$x + y = 258$$

$$m - n = 15^\circ$$

$$p + 2q = 40$$